

**SOALAN NO. 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah kos lawatan luar negara yang ditanggung oleh Kerajaan pada tahun 2015 dan 2016 sehingga kini dan tempat yang pernah dilawati.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menanggung semua kos lawatan ke luar negara yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Agong, Menteri-Menteri, Ahli-Ahli Dewan Negara, Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Kakitangan Kerajaan sama ada atas urusan rasmi ataupun berkursus yang telah mendapat kelulusan.

Pertanyaan Yang Berhormat Taiping ini adalah terlalu umum. Sehubungan itu, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 23(1)(s) - sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan yang tidak tertentu atau terlalu umum – Kerajaan tidak dapat menyediakan jawapan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.